

Bil. S 14

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH (PINDAAN), 2010

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran.
 2. Pemasukan bab 4A baru ke dalam Penggal 131.
 3. Pemasukan bab 18A baru.
 4. Pemasukan bab 19A baru.
 5. Penggantian bab 22.
 6. Penggantian bab 24A.
 7. Pemasukan bab 34A baru.
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA PENCEGAHAN RASUAH (PINDAAN), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Pencegahan Rasuah (Pindaan), 2010.

Pemasukan bab 4A baru ke dalam Penggal 131.

2. Akta Pencegahan Rasuah, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 4 —

"Kewajipan-kewajipan Pengarah dan Pegawai-Pegawai Biro.

4A. Adalah menjadi kewajipan Pengarah dan Pegawai-Pegawai Biro untuk —

(a) menerima dan menimbangkan mana-mana laporan mengenai berlakunya suatu kesalahan di bawah Akta ini atau sebarang kesalahan yang ditetapkan dan untuk menyiasat laporan-laporan tersebut sebagaimana yang dianggap boleh dijalankan oleh Pengarah atau mana-mana Pegawai Biro;

(b) mengesan dan menyiasat —

- (i) sebarang kesalahan yang disyaki di bawah Akta ini atau sebarang kesalahan yang ditetapkan;
- (ii) apa-apa percubaan yang disyaki untuk melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta ini atau sebarang kesalahan yang ditetapkan; dan
- (iii) sebarang pakatan jahat yang disyaki untuk melakukan sebarang kesalahan di bawah Akta ini atau sebarang kesalahan yang ditetapkan;

(c) memeriksa amalan, sistem dan prosedur badan-badan awam bagi memudahkan kesalahan-kesalahan di bawah Akta ini atau sebarang kesalahan yang ditetapkan diketahui dan untuk memastikan penyemakan amalan, sistem dan prosedur yang, pada pendapat Pengarah, boleh membawa kepada rasuah;

(d) mengarah, menasihati dan membantu mana-mana orang, atas permintaan orang yang disebut kemudian, mengenai cara-cara bagaimana rasuah boleh dihapuskan oleh orang itu;

(e) menasihati ketua-ketua badan awam mengenai apa-apa perubahan dalam amalan, sistem atau prosedur sesuai dengan pelaksanaan kewajipan-kewajipan badan awam dengan berkesan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Pengarah untuk mengurangkan kemungkinan berlakunya rasuah;

(f) mendidik orang ramai untuk mencegah rasuah; dan

(g) mendapatkan dan menggalakkan sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah."

Pemasukan bab 18A baru.

3. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 18 —

"Peruntukan-peruntukan tentang ikat jamin atau bon.

18A. (1) Seseorang yang telah ditangkap oleh mana-mana Pegawai Biro boleh dilepaskan dengan ikat jamin atau atas bonnya sendiri yang diberikan oleh Pengarah atau mana-mana Pegawai Biro yang khusus diberi kuasa secara bertulis oleh Pengarah.

(2) Peruntukan-peruntukan Penggal XXXV dan Penggal XXXVI Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7) hendaklah dikenakan kepada mana-mana ikat jamin atau bon yang diberikan di bawah bab ini; dan bagi maksud Kanun Peraturan Jenayah (Penggal 7), sebarang sebutan kepada "pegawai", "pegawai polis" atau "pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor" hendaklah dibaca sebagai termasuk Pengarah atau mana-mana Pegawai Biro."

Pemasukan bab 19A baru.

4. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 19 —

"Kuasa-kuasa untuk menyiasat yang dibenarkan oleh Pendakwa Raya.

19A. (1) Pendakwa Raya boleh, dengan perintah, membenarkan Pengarah atau mana-mana Pegawai Biro untuk menjalankan, dalam hal sebarang kesalahan di bawah sebarang undang-undang bertulis, semua atau sebarang kuasa berkenaan dengan penyiasatan polis yang diberikan oleh Kanun Peraturan Jenayah (Penggagal 7)."

Penggantian bab 22.

5. Bab 22 dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Kewajipan di sisi undang-undang untuk memberi maklumat.

22. (1) Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh mana-mana Pegawai Biro untuk memberi sebarang maklumat mengenai apa-apa perkara yang menjadi kewajipan Pegawai itu untuk menyiasatnya di bawah Akta ini atau mengenai sebarang kesalahan yang ditetapkan dan yang dia berkuasa untuk memberinya, hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk memberikan maklumat itu.

(2) Mana-mana orang yang tidak memberi maklumat yang dia dikehendaki untuk memberinya di bawah cerai (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000 dan dihukum penjara selama satu tahun."

Penggantian bab 24A.

6. Bab 24A dari Akta itu adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Penerimaan pernyataan sebagai keterangan.

24A. (1) Jika mana-mana orang dituduh melakukan suatu kesalahan, sebarang pernyataan, sama ada pernyataan tersebut terjumlah kepada suatu pengakuan salah atau tidak atau secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dituduh dan sama ada semasa penyiasatan polis atau tidak, atau sama ada semasa penyiasatan oleh Biro atau tidak, dan sama ada atau tidak suatu amaran diberikan dan

sama ada atau tidak seluruhnya atau sebahagiannya bagi menjawab soalan-soalan, oleh orang itu kepada atau dalam pendengaran mana-mana pegawai polis atau mana-mana Pegawai Biro, sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh mana-mana pegawai polis lain atau mana-mana Pegawai Biro lain atau mana-mana orang lain, sama ada terlibat atau tidak dalam penangkapan orang itu, boleh diterima, dengan tidak menghiraukan apa-apa jua yang bertentangan yang terkandung dalam Kanun Peraturan Jenayah (Penggag 7) atau dalam sebarang undang-undang bertulis yang lain, boleh diterima dalam perbicaraannya sebagai keterangan dan, jika orang itu menawarkan dirinya sebagai seorang saksi, sebarang pernyataan tersebut boleh digunakan dalam pemeriksaan balas dan bagi maksud mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Dengan tidak menghiraukan cerai (1), Mahkamah boleh enggan menerima pengakuan salah orang yang kena tuduh atau membenarkannya untuk digunakan dengan cara yang disebut dalam cerai itu jika pernyataan yang dibuat itu pada pendapat Mahkamah adalah disebabkan oleh sebarang dorongan, ugutan atau janji dengan merujuk kepada pertuduhan terhadap orang itu, prosiding daripada seseorang yang berkuasa dan mencukupi pada pendapat Mahkamah untuk memberi kepada orang itu alasan yang pada pendapatnya munasabah untuk mengatakan bahawa dengan membuatnya dia akan mendapat sebarang faedah atau mengelakkan diri dari sebarang kejahatan yang bersifat duniawi merujuk kepada prosiding terhadapnya.

(3) Pernyataan yang dibuat oleh orang yang kena tuduh di bawah kewajipan di sisi undang-undang untuk memberi maklumat tidaklah boleh ditafsirkan sebagai suatu pernyataan yang diperolehi dengan sebarang dorongan, ugutan atau janji yang disebut dalam cerai (2), jika sebaliknya dibuat secara sukarela.

(4) Mahkamah hendaklah menerima di bawah cerai (1) suatu pernyataan yang dibuat oleh orang yang kena tuduh jika pernyataan itu dibuat selepas tanggapan yang disebabkan oleh sebarang dorongan, ugutan atau janji yang disebut dalam cerai (2) telah, pada pendapat Mahkamah, dihapuskan sepenuhnya."

Pemasukan bab 34A baru.

7. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan bab baru yang berikut sejurus selepas bab 34 —

"Menentang atau menghalang pegawai.

34A. Mana-mana orang yang menentang atau menghalang mana-mana Pegawai Biro dalam melaksanakan kewajibannya adalah melakukan suatu

kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$20,000 dan dihukum penjara selama satu tahun."

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Safar, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 8 haribulan Februari, 2010 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM